

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.32 (62)
Tarikh : 29 September 2014

**Ketua Pengarang
Tamil Malar**

Tuan,

MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR TAMIL MALAR BERTAJUK "TANGISAN WARGA TUA!" BERTARIKH 24 SEPTEMBER 2014, RABU – M.S: MUKA DEPAN & 13

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh Puan Savariamal A/P Muthu, Puan Penchama A/L Muniandy dan Puan Saudeley A/P Karpayah yang memegang kad pengenalan merah masih belum memperolehi kewarganegaraan.

Kes 1: Puan Savariamal A/P Muthu

1. Hasil semakan mendapati Puan Savariamal A/P Muthu pernah mengemukakan permohonan taraf kewarganegaraan di bawah Perkara 19(1)(a)(i) Perlembagaan Persekutuan pada tahun 2011. Walau bagaimanapun permohonan beliau tidak berjaya dan telah dimaklumkan melalui surat.

2. Adalah dimaklumkan, penganugerahan status kewarganegaraan merupakan anugerah tertinggi Kerajaan yang hanya akan diberikan kepada mereka yang layak dan memenuhi syarat yang ditetapkan seperti mempunyai pengetahuan asas Bahasa Melayu dan berkelakuan baik iaitu tidak terlibat dengan sebarang aktiviti yang menyalahi atau melanggar undang – undang. Ingin dijelaskan bahawa memenuhi syarat untuk memohon hanyalah untuk melayakkan permohonan dikemukakan dan bukanlah bermakna permohonan tersebut mesti diluluskan. Sehubungan dengan itu keputusan berkaitannya adalah tidak wajar dipersoalkan.

3. Walau bagaimanapun sekiranya Puan Savariamal A/P Muthu masih berminat untuk memohon kewarganegaraan Malaysia, bolehlah berbuat demikian dengan mengemukakan semula permohonan di mana – mana pejabat JPN yang berhampiran dengan tempat tinggal beliau.

Kes 2: Puan Penchama A/L Muniandy

1. Hasil semakan Jabatan ini mendapati, Puan Penchama A/L Muniandy tidak pernah mengemukakan sebarang permohonan kewarganegaraan Malaysia. Sehubungan dengan itu, sekiranya Puan Penchama A/L Muniandy berhasrat untuk menjadi warganegara Malaysia bolehlah mengemukakan permohonan kewarganegaraan di pejabat JPN berdasarkan kelayakan sebagaimana peruntukan perundangan sedia ada.

Kes 3: Puan Saudeley A/P Karpayah

1. Untuk makluman, keputusan makluman permohonan status kewarganegaraan beliau telah dimaklumkan secara bersurat pada 24/12/2012 berdasarkan alamat yang dikemukakan semasa permohonan dibuat di kaunter JPN.

2. Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan menyarankan beliau untuk hadir ke JPN yang berhampiran bagi membuat semakan berkaitan status permohonan kewarganegaraan beliau.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

📠 : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:

1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)